



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PENGGUNAAN BAHASA DALAM PERTUTURAN  
KANAK-KANAK MELAYU: SATU ANALISIS PRAGMATIK**

**ZAITUL AZMA BINTI ZAINON HAMZAH**

**FBMK 2000 7**

**PENGGUNAAN BAHASA DALAM PERTUTURAN  
KANAK-KANAK MELAYU: SATU ANALISIS PRAGMATIK**

**ZAITUL AZMA BINTI ZAINON HAMZAH**

**MASTER SASTERA  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**2000**



**PENGGUNAAN BAHASA DALAM PERTUTURAN  
KANAK-KANAK MELAYU: SATU ANALISIS PRAGMATIK**

**Oleh**

**ZAITUL AZMA BINTI ZAINON HAMZAH**

**Tesis ini Disediakan bagi Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sastera di  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia**

**Januari 2000**



## **Dedikasi**

Untuk ayah dan ibu  
segala bakti sucimu ku ingat selalu  
mengajar erti kepayahan  
dan kesabaran dalam menghadapi  
liku-liku hidup

Untuk abang-abang dan adik-adikku  
istimewa Faroul dan Aisyoul  
jasa kalian ku hargai  
membentuk insan berkeyakinan dan  
tabah menghadapi dugaan dan rintangan

Untuk suami dan anak-anak  
Rina, Izhar, Nazrin, Syazmil, Aznil dan Adlina  
yang menjadi penawar duka dan penyeri hidupku  
gigih memberi semangat  
untukku terus berusaha

Untuk rakan-rakan seperjuangan  
nasihat kalian menjadi pegangan  
senda gurau, hilai tawa dan kritikan  
membentuk kesempurnaan insan  
yang bernama 'Aku'

Zazh/ UPM/99.



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera.

**PENGUNAAN BAHASA DALAM PERTUTURAN KANAK-KANAK  
MELAYU: SATU ANALISIS PRAGMATIK**

Oleh

**ZAITUL AZMA BINTI ZAINON HAMZAH**

**Januari 2000**

**Pengerusi: Noor Aina Dani, Ph.D.**

**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis penggunaan bahasa dalam pertuturan kanak-kanak Melayu. Sampel kajian adalah terdiri daripada 25 orang kanak-kanak tabika yang dipilih secara rawak daripada 4 buah tabika Kemas. Tabika Kemas yang dipilih ialah Tabika Kenari, Tabika Ibnu Sina, Tabika Wawasan, dan Tabika Harapan Murni.

Dalam tesis ini, teori Relevans dengan gagasan konteks, kesan konteks, dan kos proses digunakan untuk menganalisis makna ujaran kanak-kanak Melayu. Hasil kajian menunjukkan terdapatnya kekaburan dalam penggunaan kata ganti nama diri (KGND) 'dia' dan 'kita' dalam pertuturan kanak-kanak Melayu. KGND 'dia' digunakan sebanyak 70.4% (95 daripada 135 ujaran) untuk merujuk orang ketiga [+manusia]. Manakala dalam konteks 'relevan', KGND 'dia' digunakan



untuk merujuk benda bukan manusia [-manusia]. Hal ini terbukti dalam 40 daripada 135 ujaran (29.6%).

Selain daripada itu, dapatan kajian juga menunjukkan terdapatnya kekaburan dalam penggunaan KGND 'kita'. 'Kita' didapati lebih banyak digunakan sebagai KGND pertama mufrad, iaitu sebanyak 76.4% (110 daripada 144 ujaran). Dalam konteks yang sama, 'kita' juga digunakan sebagai KGND pertama jamak, iaitu sebanyak 34 daripada 144 ujaran (23.6%). Namun, kekaburan yang wujud dalam penggunaan KGND 'dia' dan 'kita' ini dapat diselesaikan dengan menggunakan Rangka Rujuk Silang (RRS) yang terkandung dalam teori Relevans.

Di samping itu, dapatan kajian juga menunjukkan kanak-kanak Melayu dapat membina konsep yang mereka amati daripada konteks, kemudian dilahirkan melalui kata bandingan semacam. Penggunaan kata bandingan semacam yang terdapat dalam pertuturan kanak-kanak Melayu menyerlahkan tahap kematangan, kognisi, input pengalaman, alam persekitaran, dan sosiobudaya penuturnya. Hasil kajian juga menunjukkan konteks berfungsi menetapkan makna bagi perkataan yang kanak-kanak gunakan dalam pertuturan mereka. Pendekatan pragmatik dianggap wajar digunakan untuk menginterpretasi kekaburan makna ujaran kanak-kanak Melayu. Sekali gus hal ini membuktikan bahawa teori Relevans ialah satu teori yang berwibawa dalam memberikan satu interpretasi makna yang relevan kerana teori ini menekankan kepentingan konteks dan kognisi.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirements for the degree of Master of Arts.

**LANGUAGE USAGE IN THE CONVERSATION OF  
MALAY CHILDREN : A PRAGMATIC ANALYSIS**

By

**ZAITUL AZMA BINTI ZAINON HAMZAH**

**January 2000**

**Chairman: Noor Aina Dani, Ph.D.**

**Faculty : Modern Languages and Communication**

This study analyses the usage of language in the conversation of Malay children. The samples consisted of 25 children, which were selected randomly from Tabika Kemas. The selected *tabika* were Tabika Kenari, Tabika Ibnu Sina, Tabika Wawasan, and Tabika Harapan Murni.

In this thesis, the Relevance Theory with its concepts of contexts, contextual effect, and processing effort were used as base principles in analyzing the meaning of the conversations. This research showed that ambiguities exist in the usage of pronoun 'dia' and 'kita' among children. The pronoun 'dia' was usually used to identify the third person [+ animate], which was the case for 95 out of 135 utterances or 70.4%. Furthermore, in the relevant contexts the same



pronoun 'dia' was also used for inanimate [- inanimate] object. This result was based on the finding that 29.6% of pronoun 'dia' was used to indicate inanimate.

Moreover, the ambiguity of the pronoun 'kita' also existed depending on the contextual usage. It was often used to identify the singular, as seen by a rate of 76.4% (110 of 144 utterances). However in noticeably fewer instances (23.6%) 'kita' was used to denote the plurals, which was only used so, in 34 of 144 utterances. Nevertheless, these ambiguities of the usage of the pronoun 'dia' and 'kita' could be resolved by using the Bridging Cross Reference (Rangka Rujuk Silang) which was introduced in the Relevance Theory.

Apart from this, the study showed that the Malay children developed concepts from their contexts. And these were seen in the similes they created. The usage of the similes gave indication of their levels of maturity, cognition, the experiences received, and their environment as well as their own society and culture. This study also showed how context determined the actual meaning of words that children used in their speech. The pragmatic approach is therefore well suited for the interpretation of ambiguities in the conversation of Malay children. Indirectly this proves that the Relevance Theory is eminently suited for the interpretation of relevant meanings because of its emphasis on the importance of the usage of contexts and cognition.



## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya telah memberi kekuatan dan ketabahan kepada saya untuk menyempurnakan tesis yang bertajuk, “Penggunaan Bahasa dalam Pertuturan Kanak-kanak Melayu: Satu Analisis Pragmatik” walaupun beberapa kesusahan dan rintangan dihadapi.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu saya menyiapkan tesis ini terutamanya kepada Dr.Nor Aina Dani sebagai pengerusi jawatankuasa penyeliaan, atas usaha beliau memberikan tunjuk ajar, membaca, menyemak, dan memberikan nasihat yang amat berguna untuk meningkatkan mutu tesis ini. Penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada ahli jawatankuasa penyeliaan iaitu Dr. Ahmad Mahmood Musanif dan Encik Ismail Jusoh, dan para pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang telah banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar, dan mencurahkan segala ilmu, sama ada yang bersifat akademik ataupun bukan akademik.

Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada Guru-guru Tabika Kemas Kenari, Tabika Ibnu Sina, Tabika Harapan Murni, dan Tabika Wawasan yang telah bersusah payah membantu dan memberikan kerjasama semasa kajian ini dijalankan.



Akhir sekali, jutaan terima kasih ditujukan buat seorang teman lama yang istimewa, dan teman-teman sekursus yang telah memberi dorongan dan kerjasama dalam usaha saya menyiapkan tesis ini. Tanpa bimbingan, sumbangan, kerjasama, dan penglibatan mereka, penulisan ini sukar mencapai tahap yang dikehendaki. Hanya Allah sahajalah yang dapat memberi ganjaran dan balasan yang setimpal dengannya.

Sekian. Terima kasih.

ZAITUL AZMA BINTI ZAINON HAMZAH


Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Zaitul Azma bt.Zainon Hamzah telah mengadakan pemeriksaan akhir pada 22 Januari 2000 untuk menilai tesis Master Sastera beliau yang bertajuk “Penggunaan Bahasa dalam Pertuturan Kanak-kanak Melayu: Satu Analisis Pragmatik” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-Peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

Hussein b.Baharuddin, Ph.D.  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

Noor Aina Dani, Ph.D.  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

Ahmad Mahmood Musanif, Ph.D.  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

Encik Ismail bin Jusoh  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universti Putra Malaysia  
(Ahli)



MOHD. GHAZALI MOHAYIDIN, Ph.D.  
Professor  
Timbalan Dekan Pusat Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 22 Januari 2000

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera.



---

KAMIS AWANG, Ph.D,  
Profesor Madya  
Dekan Pusat Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: **11 MAY 2000**

## Pengakuan

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau di institusi-institusi lain.



( Zaitul Azma binti Zainon Hamzah)

Tarikh: 22 Januari 2000

## JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

DEDIKASI .....	ii
ABSTRAK.....	iii
ABSTRACT .....	v
PENGHARGAAN .....	vii
LEMBARAN PENGESAHAN .....	ix
PENYATAAN KEASLIAN .....	xi
SENARAI JADUAL .....	xiv
SENARAI RAJAH .....	xv
SENARAI SINGKATAN .....	xvi

### BAB

<b>I</b>	<b>PENDAHULUAN .....</b>	<b>1</b>
	Latar Belakang Kajian .....	1
	Pernyataan Masalah .....	10
	Kepentingan Kajian .....	14
	Objektif Kajian .....	18
	Skop Kajian .....	18
	Definisi Operasional: .....	19
	Penggunaan Bahasa .....	19
	Kanak-kanak Melayu .....	20
	Analisis Pragmatik .....	20
<b>II.</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	
	Kajian tentang Bidang Pragmatik .....	22
	Kajian tentang Bidang Pragmatik dengan Teori Relevans di Malaysia .....	23
	Kajian tentang Pragmatik Orang Melayu .....	34
	Kajian tentang Pemerolehan Bahasa Kanak-kanak Melayu Prasekolah .....	36



<b>III.</b>	<b>METODOLOGI .....</b>	<b>45</b>
	Reka Bentuk Kajian .....	45
	Kerangka Teori .....	46
	Kerangka Konsepsi .....	51
	Tempat Kajian.....	52
	Kawasan Sampingan .....	53
	Populasi dan Persampelan.....	53
	Subjek Kajian .....	53
	Pendekatan Kajian .....	55
	Kaedah Kajian .....	57
	Alat Kajian .....	59
	Tatacara Kajian .....	61
	Kajian Rintis .....	62
	Kajian Sebenar .....	63
	Pengumpulan Data .....	63
	Penganalisan Data .....	65
<b>IV.</b>	<b>KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN</b>	
	Persembahan Dapatan .....	66
	Dapatan Sampingan .....	124
	Rasional Teori dengan Dapatan Kajian .....	130
	Implikasi Dapatan Kajian .....	138
<b>V.</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN .....</b>	<b>145</b>
	Rumusan .....	145
	Cadangan Kajian Selanjutnya .....	151
	<b>BIBLIOGRAFI .....</b>	<b>156</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	
	A1 Data Kajian yang dikumpul di Tabika Kenari .....	161
	A2 Data Kajian yang dikumpul di Tabika Ibnu Sina .....	163
	A3 Data Kajian yang dikumpul di Tabika Wawasan .....	166
	A4 Data Kajian yang dikumpul di Tabika Harapan Murni .....	173
	B Senarai Sampel Kajian .....	179
	<b>BIODATA DIRI .....</b>	<b>180</b>

**SENARAI JADUAL**

**Muka surat**

Jadual 1 Jumlah Kanak-kanak yang Menjadi Sampel ..... 54





**SENARAI RAJAH****Muka Surat**

Rajah 1	Hubungan antara Semantik dengan Pragmatik .....	6
Rajah 2	Kerangka Konsepsi Kajian .....	51
Rajah 3	Penggunaan KGND ‘dia’ dalam Pertuturan Kanak-kanak Melayu .....	74
Rajah 4	Penggunaan KGND ‘kita’ dalam Pertuturan Kanak-kanak Melayu .....	80
Rajah 5	Penggunaan RRS dalam Menyelesaikan Kekaburan KGND .....	98
Rajah 6	Perjalanan Pemikiran Kanak-kanak Dikaitkan dengan Topik Kenderaan .....	99
Rajah 7	Perjalanan Pemikiran Kanak-kanak Dikaitkan dengan Konteks .....	102
Rajah 8	Penggunaan Kata Seruan dalam Pertuturan Kanak-kanak Melayu .....	107
Rajah 9	Proses Pewujudan Kata Bandingan Semacam Di Kalangan Kanak-kanak Melayu .....	114
Rajah 10	Proses Membuat Perbandingan yang Relevan Dengan Konsep.....	117

## **SENARAI SINGKATAN**

KGND	Kata Ganti Nama Diri
RRS	Rangka Rujuk Silang
PTK	Persampelan Tanpa Keberangkalan

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **Latar Belakang Kajian**

Bahasa ialah suatu sistem simbol yang mempunyai makna. Bahasa dikawal oleh tatabahasa, iaitu sejumlah hukum atau peraturan yang mengawal penggunaan simbol seperti kata dalam susunan huruf.

Sebagai suatu sistem simbol yang mempunyai makna, bahasa mempunyai kaitan rapat dengan konsep dan pemikiran penggunanya. Konsep dan pemikiran bertindak sebagai kandungan bahasa dan bahasa adalah wahana fikiran. Hal yang demikian bahasa digunakan untuk menyampaikan konsep, membuat pernyataan, dan juga bertindak sebagai alat komunikasi antara penutur dengan pendengar.

Sebagai sistem komunikasi, bahasa dapat diklasifikasi mengikut dua cara penggunaan yang berbeza. Pertama, bahasa dapat digunakan untuk membuat pernyataan, iaitu menggambarkan bentuk-bentuk hubungan dalam dunia. Penggunaan bahasa sebegini dikenali sebagai bahasa deskriptif. Dalam ujaran yang berbentuk deskriptif makna dinilai secara semantik, iaitu bahasa difahami melalui komponen makna yang ada dalam kata.

Bahasa selain dapat digunakan secara deskriptif, juga berperanan untuk menggambarkan pemikiran dan perasaan serta mencetuskan maklum balas daripada seseorang. Bentuk penggunaan bahasa yang kedua ini dikenali sebagai penggunaan bahasa interpretif. Dalam ujaran interpretif, makna ujaran tidak ditafsirkan melalui kebenaran atau kepalsuan sesuatu ayat tetapi diinterpretasi secara pragmatik iaitu menginterpretasi makna ujaran berdasarkan konteks dan gambaran yang ada dalam pemikiran penutur ketika menuturkan sesuatu ujaran itu. Perhatikan contoh yang berikut:

Aliza : Bapa kau ada kereta?

Ayu : Bapa kita tak kaya

Dulu bapa kaya.

Makna ujaran Ayu dapat diperoleh apabila diinterpretasi secara pragmatik. Ujaran Ayu difahami sebagai interpretasi kepada soalan Aliza bahawa suatu ketika dahulu bapa Ayu ada memiliki kereta tetapi sekarang tidak lagi.

Makna pragmatik diperoleh apabila kata digunakan dalam ayat. Kalau makna semantik lebih bersifat konseptual dan eksplisit, makna pragmatik pula bersifat situasional dan implisit.

Leech (1983), menyatakan bahawa lazimnya semantik menganggap makna sebagai pertalian dua segi antara bahasa dengan hal yang dilambangkannya. Sebagai contoh 'emak' ialah istilah atau kata dalam Bahasa. Hal yang dilambangkan oleh 'emak' ialah seorang wanita yang melahirkan anak. Manakala pragmatik menganggap makna sebagai pertalian tiga segi antara pengguna bahasa, lambang bahasa, dan hal yang dilambangkannya. Sebagai contoh 'emak'. Ada kanak-kanak tabika yang merujuk 'emak' sebagai wanita yang melahirkannya, ada yang merujuk 'emak' sebagai wanita yang memeliharanya (nenek atau ibu saudara), dan ada yang merujuk 'emak' sebagai wanita yang mengasuhnya (pengasuh).

Dalam komunikasi lisan, terutamanya pertuturan kanak-kanak, menginterpretasikan makna ujaran amat menarik untuk diselidiki secara pragmatik. Ini kerana semantik atau makna merupakan aspek komunikasi yang sering menimbulkan masalah antara penutur kanak-kanak dengan pendengar dewasa. Orang kerap kali bertanya, "Apakah sebenarnya yang anda maksudkan?". Kanak-kanak mempelajari aturan semantik bahasa mereka dalam jangka masa yang panjang, secara beransur-ansur. Setiap perbendaharaan kata yang mereka peroleh merupakan sumber makna yang penting bagi kanak-kanak. Kanak-kanak yang dapat menguasai perbendaharaan kata yang banyak dapat melahirkan idea, perasaan, dan sikap mereka terhadap alam keliling. Semakin tinggi keupayaan seseorang kanak-kanak itu membina ayat-ayat yang kompleks maka semakin berpotensi mereka

untuk berkomunikasi dengan makna yang khusus. Tegasnya, kanak-kanak menggunakan bahasa untuk menggambarkan dunia realiti yang mereka rasai dan tempuhi.

Namun demikian, adakalanya pertuturan kanak-kanak itu dianggap kabur kerana perkataan yang digunakan itu bersifat taksa, dan individu sebagai pendengar dewasa akan menganggap bahasa itu telah disalahgunakan. Kemungkinan juga pendengar akan menganggap kanak-kanak itu kurang pengetahuan bahasanya.

Perhatikan contoh yang berikut:


- i. Ezzah : Kulit dia berwarna hijau. Isi dia warna kuning
- ii. Fatin : Sekarang ayah tak kaya.  
Cikgu : Kenapa?  
Fatin : Ayah, dia belum tanggung ibu.  
Cikgu : Belum tanggung ibu macam mana?  
Fatin : Belum tanggung duit.

Kata ganti nama dia dan kata tanggung mempunyai makna yang kabur. Makna yang jelas bagi kata-kata tersebut hanya dapat diperoleh dengan melihat cara penggunaannya, di samping merujuk secara langsung kepada keadaan kebenaran ayat-ayat yang telah dituturkan. Di sinilah perlunya penginterpretasian

makna secara pragmatik yang mengambil kira faktor-faktor keperihalan keadaan penggunaan, termasuk pengguna yang terlibat.

Makna pragmatik ialah persekitaran atau konteks sesuatu ujaran diterbitkan dalam sesuatu kegiatan komunikasi. Jadi tanpa pragmatik yang cukup, tidak mungkin sesuatu erti tumbuh dalam fikiran kanak-kanak. Hanya dengan menggunakan pendekatan pragmatik sahajalah penginterpretasian makna dapat dilakukan dengan cara yang lebih tepat dan sah. Oleh yang demikian, makna pragmatik memang lebih sempurna kerana diinterpretasikan dengan pertimbangan tatabahasa (semantik, sintaksis) ditambah dengan pertimbangan konteks situasi sehingga makna yang diperoleh adalah makna pertuturan yang sempurna.

Prinsip pragmatik didasarkan pada maksim perbualan. Grice (1975), telah memperkenalkan 'Prinsip Kerjasama' (PK) dalam pertuturan. Grice boleh dianggap sebagai pelopor kepada ilmu pragmatik moden. Idea yang dicetuskan oleh Grice pada asalnya ialah pada tahun 1975. Grice dalam kuliah ringkasnya di Universiti Harvard telah cuba mengemukakan perbezaan yang jitu antara semantik dan pragmatik menggunakan konsep "apa yang diperkatakan" dengan "apa yang diimplikasikan". "Apa yang diperkatakan" menjadi ruang lingkup semantik sementara "apa yang diimplikasikan" akan menjadi ruang lingkup pragmatik. Hal ini dijelaskan pada Rajah 1 yang berikut:



Rajah 1: Hubungan antara Semantik dengan Pragmatik.  
Sumber: Grice (1975)

Daripada Rajah 1, Grice dengan jelasnya telah membahagikan bidang semantik dan pragmatik untuk dijadikan panduan menganalisis interpretasi ujaran. Grice seterusnya telah mengemukakan satu prinsip utama sebagai panduan dalam perbualan. Prinsip ini dikenali sebagai 'Prinsip Kerjasama' (*Co-operation Principle*). Prinsip ini didokong oleh empat maksim yang seolah-olah menjadi peraturan dalam perbualan.



Empat maksim yang terlibat itu adalah seperti yang berikut:

i. Maksim kualiti.

Jadikan maklumat itu benar dan khusus berdasarkan prinsip yang berikut:

- a. Jangan bercakap bohong
- b. Jangan bercakap jika kurang bukti.

ii. Maksim kuantiti.

- a. Jadikan maklumat seinformatif yang boleh sebagaimana dikehendaki dalam perbualan yang sedang berlangsung.
- b. Jangan jadikan maklumat terlalu informatif sehinggalah melebihi hadnya.

iii. Maksim relevans.

- a. Jadikan maklumat relevan.

iv. Maksim perlakuan.

- a. Jadikan maklumat nyata dan khusus.
- b. Elakkan maklumat yang tidak jelas.
- c. Elakkan maklumat yang kabur.
- d. Cuba ringkaskan maklumat.